

# Tinjauan Literatur Faktor Pengabaian Kanak-kanak di Malaysia

**BITARA**Volume 2, Issue 1, 2019: 016-028  
© The Author(s) 2019  
e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>

## [Literature Review of Child Abandonment Factors in Malaysia]

Nurul Izzah Izzati Hashim,<sup>1</sup> Wafaa Yusof<sup>1</sup> & Zuliza Mohd Kusrin<sup>1</sup>

### Abstrak

Peningkatan kes pengabaian kanak-kanak semakin membimbangkan di Malaysia malah seringkali menjadi perhatian utama media massa. Menurut statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat sehingga bulan Jun 2018, sebanyak 1,318 kes telah direkodkan. Tindakan sebahagian daripada ibu bapa yang menganggap perkara sedemikian remeh dan tidak berhati-hati boleh menyebabkan kematian serta kecacatan sepanjang hayat kepada kanak-kanak. Justeru, artikel ini bertujuan untuk mengenal pasti sejarah, trend dan statistik perkembangan kes pengabaian kanak-kanak yang berlaku di Malaysia. Kajian juga akan menganalisis faktor-faktor berlakunya kes pengabaian kanak-kanak. Data-data yang diperoleh dianalisis secara diskriptif dan dipersembahkan mengikut tema-tema bersesuaian. Artikel mendapati bahawa sejarah pengabaian telah berlaku sejak abad ke 17 dan 18. Masalah ini bukan hanya berlaku di Malaysia malah di negara-negara maju, membangun mahupun miskin. Kes pengabaian ini berlaku disebabkan oleh lima faktor utama iaitu bermula daripada kegagalan fungsi ibu bapa dan keluarga seterusnya berkait rapat dengan faktor persekitaran dan ekonomi. Selain itu, ketegasan undang-undang yang tidak komprehensif telah mengakibatkan tiada pelaksanaan undang-undang yang jelas sehingga menjadi punca kes terus meningkat. Ciri kanak-kanak seperti kanak-kanak kurang upaya, hiperaktif, anak angkat, anak taksaharaf dan anak tiri juga sering menjadi mangsa ibu bapa dan penjaga dalam mengambil langkah mudah penjagaan kepada mereka sehingga berlaku pengabaian. Kajian ini penting bagi mewujudkan satu kaedah undang-undang yang jelas dalam menjamin *masalah* terbaik kanak-kanak demi membendung kes ini daripada terus berleluasa.

### Kata Kunci:

Pengabaian kanak-kanak, sejarah pengabaian, faktor pengabaian, Akta Kanak-kanak (Pindaan) 2016

### Abstract

Growing cases of child abuse are increasing of concern in Malaysia and are often the main focus of the mass media. According to statistics from the Public Welfare Department as of June 2018, 1,318 cases have been registered. The acts of some parents who think these things are insignificant and reckless can lead to death and life-long disability for children. As such, the purpose of this article is to identify the history, patterns and statistics of the development of child neglect cases in Malaysia. The research would also examine the factors involved in cases of child abuse. The data collected were analyzed discreetly and presented according to appropriate themes. The article found that there has been a history of neglect since the 17th and 18th centuries. This issue exists not only in Malaysia but also in developed, poor and emerging countries. This negligence is attributed to five primary causes, ranging from a lack of parenting and family functioning to a strong association with environmental and economic influences. Besides, the complexity of the legislation has contributed to a lack of

<sup>1</sup> Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.

### Corresponding Author:

Wafaa Yusoff, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.  
E-mail: [wafaa@ukm.edu.my](mailto:wafaa@ukm.edu.my)

consistent enforcement of the rule, which has led to an increase in cases. Children's characteristics such as disabled, hyperactive, adoptive, illegitimates and step-child frequently fall victims to parents and guardians who take easy care of them in the event of abuse. The research is important to create a clear legal structure to ensure that the best efforts of the child are made to prevent the case from being common.

**Keywords:**

Child neglect, history of neglect, neglect factors, Children (Amendment) Act 2016

**Cite This Article:**

Nurul Izzah Izzati Hashim, Wafaa Yusof & Zuliza Mohd Kusrin. 2019. Tinjauan literatur faktor pengabaian kanak-kanak di Malaysia. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 2(1): 016-028.

## Pengenalan

Ibu bapa merupakan pemegang amanah yang diberikan oleh Allah SWT kepada anak-anak. Anak-anak dipertanggungjawab di bawah jagaan ibu bapa dan penjaga dalam memelihara keselamatan dan kesejahteraan mereka. Allah SWT telah menerangkan secara jelas tentang tugas dan peranan ibu bapa di dalam al-Quran menerusi surah al-Tahrim ayat 66 yang bermaksud: “Wahai orang-orang yang beriman, Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari Neraka yang bahan-bahan bakarnya: Manusia dan batu (berhala); Neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar (layanannya); mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkanNya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan”. Ayat di atas menunjukkan bukti Allah SWT memberi amanah kepada ibu bapa dalam melaksanakan tanggungjawab kepada anak-anak.

Kegagalan ibu bapa dan penjaga dalam melaksanakan tanggungjawab menyebabkan berlakunya pengabaian dan kecuaiian kepada anak-anak. Menurut Dasar Perlindungan Kanak-kanak Kebangsaan Malaysia (2016) selaras dengan Konvensyen mengenai Hak Kanak-Kanak 1989 (*UNCRC*) dan Akta Kanak-Kanak 2001 mendefinisikan pengabaian ialah “kegagalan yang berterusan dalam menyediakan keperluan fizikal, emosi dan perkembangan asas dari segi kesihatan, pendidikan, perkembangan emosi, makanan, tempat tinggal dan kehidupan yang selamat”. Ringkasnya pengabaian memberi kesan besar kepada nyawa, kebajikan dan keselamatan kanak-kanak serta mampu memberi impak kepada masyarakat dan negara.

Di Malaysia, terdapat peruntukan undang-undang khusus yang mengawal kes pengabaian kanak-kanak seperti Akta Kanak-kanak (Pindaan) 2016. Namun statistik kes ini tetap meningkat dari tahun ke tahun. Kes ini lazimnya berpunca daripada kekurangan pengawasan yang sewajarnya daripada ibu bapa dan penjaga terutamanya terhadap persekitaran anak-anak. Buktinya, menurut rekod Jabatan Kebajikan Masyarakat, kecuaiian ibu bapa dan penjaga mencatatkan punca ketiga tertinggi sepanjang tahun 2013 sehingga Jun 2018. Hal ini dapat dilihat melalui kes yang sering dilaporkan seperti kanak-kanak terjatuh dari eskalator, lemas, terjatuh dari bangunan, ditinggalkan di rumah tanpa pengawasan, ditinggalkan atau terkurung di dalam kereta, bermain mercun dan lain-lain (Roos Niza 2017). Walau bagaimanapun, kes-kes ini mungkin sebahagian daripada kes yang dilaporkan kepada pihak berkuasa berbanding

dengan jumlah sebenar kes yang berlaku (Tengku Fatimah Muliana 2012; Shi-ian Lee & Atiqa Hazellah 2012).

Justeru, artikel ini bertujuan mengenal pasti sejarah, trend dan statistik pengabaian kanak-kanak di Malaysia. Fokus perbincangan artikel ini adalah faktor-faktor berlakunya pengabaian kanak-kanak di Malaysia. Bagi mencapai objektif tersebut, tinjauan literatur berhubung masalah ini akan dilakukan dengan lebih mendalam.

## Sejarah, Trend dan Statistik Kes Pengabaian di Malaysia

Pengabaian bukan isu yang baru malah telah berlaku sejak dahulu lagi pada zaman Rasulullah. Hal ini dapat diteliti di dalam kisah Hindun binti Uthbah yang diabaikan nafkah oleh suaminya. Hindun telah pergi mengadu kepada Rasulullah SAW bahawa suaminya Abu Sufyan tidak memberi nafkah kepadanya dan anaknya. Dalam permasalahan ini, Rasulullah telah memberi kebenaran kepada Hindun untuk mengambil nafkah suaminya melalui harta secara *kifayah* dan *makruf* (Zainul Rijal & Nurhidayah 2013).

Kisah ini dapat dibuktikan melalui hadis sahih yang telah diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim:

وعن عائشة رضي الله عنها ، قالت: قالت هند امرأة أبي سفيان للنبي صلى الله عليه وسلم : إن أبا سفيان رجل شحيح وليس يعطيني ما يكفيني وولدي إلا ما أخذت منه، وهو لا يعلم؟ قال: ((خذي ما يكفيك وولدك بالمعروف))

Maksudnya: Daripada Aisyah RA telah berkata: Hindun iaitu isteri kepada Abu Sufyan telah berkata kepada Nabi SAW bahawa sesungguhnya Abu Sufyan itu seorang yang bakhil. Dia tidak memberi nafkah yang cukup kepada aku dan anakku, kecuali aku mengambil tanpa pengetahuan suamiku. Rasulullah SAW berkata: ambillah daripadanya apa yang *kifayah* (cukup) bagimu dan anakmu secara yang *makruf*. (Hadis Riwayat al-Bukhari: *Kitab al-Nafaqah, Bab Khidmah al-Rajul fi Ahlihi*, No. Hadis 5049 dan Hadis Riwayat Muslim: *Kitab al-Naqlyyah, Bab Qadiyyah Hindun*, No. Hadis 1714)

Berdasarkan hadis di atas, nafkah perlu diberikan secukupnya kepada orang yang dipertanggungjawabkan kepada seseorang terutamanya daripada pihak suami atau bapa kepada isteri atau anak. Pemberian nafkah bukan hanya perlu diberi atau perlu disediakan namun pemberian tersebut perlu memenuhi elemen *kifayah* dan *makruf* seperti mana yang telah digariskan oleh syarak. Hukum memberi nafkah adalah wajib. Sebagaimana firman Allah SWT di dalam surah al-Baqarah ayat 233.

Seperti mana pencerahan di atas, isu pengabaian dan kecuaihan telah berlaku pada zaman Rasulullah. Tambahan pula, sejarah turut membuktikan bahawa undang-undang dan perkhidmatan kebajikan bagi melindungi hak dan keselamatan kanak-kanak telah lama diperuntukkan oleh beberapa negara maju di dunia. Menurut De Mause (1976), Eropah merupakan negara terawal yang memberi perhatian dalam masalah ini pada abad ke 17 dan 18. Kemudian diikuti dengan Amerika Syarikat pada awal 40an sehingga akhir 80an seterusnya negara China, Brazil, Jamaika, Peru dan negara-negara lain termasuklah Malaysia (Amalina

Abd Manaf 1997). Sebelum Malaysia meratifikasi Konvensyen Hak Kanak-kanak, masalah berkaitan kanak-kanak ini dilihat menjadi kelaziman dalam masyarakat. Ini kerana masyarakat dahulu lebih memandangkan nilai budaya dan adat resam seolah-olah hak kanak-kanak tidak wujud. Tambahan pula, setiap daripada kumpulan etnik di Malaysia mempunyai sejarah kepercayaan adat masing-masing (Noor Aziah 2009; Tengku Fatimah Muliana 2012).

Walau bagaimanapun, Malaysia telah menandatangani Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (*UNCRC*) pada tahun 1995. Hasilnya, kerajaan telah membuat reservasi terhadap 8 fasal berkaitan umur kanak-kanak, hak kanak-kanak, pendaftaran kanak-kanak, kebebasan bersuara, kebebasan berfikir dan beragama, kebebasan berpersatuan, pendidikan dan hak dalam undang-undang. Fasal ini diterima mengikut kesesuaian keadaan dan masa di Malaysia. Perkembangan secara berperingkat ini dapat melihat bahawa kepentingan hak dan status kanak-kanak menjadi keutamaan setiap negara. Hal ini kerana kebangkitan hak kanak-kanak telah bermula sejak 1879 namun pada 1989 konvensyen ini baru diluluskan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi membanteras kes penderaan dan pengabaian yang berlaku (Suruhanjaya Hak Asasi Manusia 2005; Child Rights Coalition Malaysia 2012 ; Jabatan Kebajikan Masyarakat 2016).

Secara umumnya, pengabaian merupakan perbuatan cuai, lalai dan tidak berhati-hati dalam memberi perhatian sehingga menyebabkan berlakunya sesuatu masalah (Kamus Dewan 2010; al-Zuhaili 1998; al-Baqa' 1992). Hal ini selari dengan tafsiran undang-undang yang menyatakan hal yang sama dalam membuktikan kewujudan perbuatan yang lalai sebagai suatu tort. Dalam pada itu, tidak semua kecuai atau perbuatan kurang berhati-hati itu dianggap sebagai kecuai di sisi undang-undang (Norchaya Talib, 1997; Salleh Buang, 1999). Jika ditinjau secara khusus daripada aspek pengabaian terhadap penjagaan kanak-kanak pula, pengabaian ini berlaku apabila ibu bapa meninggalkan kanak-kanak dalam keadaan yang boleh menjejaskan kesihatan, keselamatan, pendidikan dan kesejahteraan mereka yang merangkumi fizikal dan emosi (Khadijah Alavi et.al, 2003; Jal Zabdi Mohd Yusoff, 2010; Zanariah Noor 2015).

Hal ini sejajar dengan gambaran yang telah dikemukakan oleh Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak 1989 (*UNCRC*) mengenai pengabaian kanak-kanak. Konvensyen ini telah menggariskan beberapa hak kepada kanak-kanak di dalam Perkara 2, 3, 6, 13, 19, 23, 28, 29, 30, 32 dan 34. Menurut Akta Kanak-Kanak (Pindaan) 2016 di bawah seksyen 17 pula, pengabaian berlaku apabila ibu bapa atau penjaga bertindak secara lalai terhadap pengawasan dan pengawalan yang sewajarnya kepada kanak-kanak. Hal ini menyebabkan ibu bapa mengabaikan perlindungan dari segi makanan, pakaian, tempat berteduh, kesihatan sehingga mereka gagal membendung masalah daripada berlaku kemudaratan kepada kanak-kanak. Manakala pengabaian menurut Dasar Perlindungan Kanak-kanak Kebangsaan Malaysia selaras dengan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak 1989 (*UNCRC*) dan Akta Kanak-Kanak (Pindaan) 2016 sebagai sesuatu “kegagalan yang berterusan penjaga dalam menyediakan keperluan asas fizikal dan emosi.

Walaupun sesetengah kajian termasuklah UNICEF Malaysia telah menggambarkan pengabaian merupakan salah satu bentuk penderaan namun perkara ini dinyatakan sebaliknya oleh Anjli Doshi-Gandhi yang menjelaskan terdapat perbezaan diantara pengabaian dan penderaan. Pengabaian berlaku apabila ibu bapa gagal bertindak dalam memelihara keperluan asas terhadap perkembangan, kesejahteraan dan keselamatan kanak-kanak. Manakala

penderaan pula merupakan satu keganasan yang jelas dilakukan secara fizikal, emosi dan seksual oleh individu terdekat dengan kanak-kanak. Hal ini bertepatan dengan Akta Kanak-kanak (Pindaan) 2016 di dalam seksyen 17 dan Akta Kesalahan Seksual Kanak-kanak 2017 yang telah memperincikan bahawa penderaan secara fizikal boleh dikesan melalui kecederaan di bahagian anggota badan akibat daripada kekerasan dan penggunaan sesuatu objek. Berbeza pula dengan penderaan emosi yang dikesan melalui keadaan emosi dan mental manakala dari segi seksual pula wujud sesuatu paksaan untuk melakukan aktiviti berunsur seks.

Jika dibandingkan penjelasan di atas, pengabaian dan penderaan kanak-kanak adalah dua bentuk penganiayaan yang jelas berbeza. Walaupun kedua-dua masalah ini secara umumnya adalah sejenis penganiayaan yang hampir sama. Namun perbezaan dapat dilihat daripada apa, bagaimana dan mengapa sesuatu perbuatan dan situasi itu berlaku kepada kanak-kanak. Sehubungan dengan itu, jika masalah ini tidak dibanteras dengan sewajarnya maka kes yang berlaku akan terus meningkat seterusnya maruah dan kelangsungan hidup sebagai kanak-kanak normal akan terjejas serta hak dan keadilan mereka tidak akan terbela (Khadijah Alavi, 1999; Zanariah Noor, 2015).

Tidak dinafikan bahawa statistik pengabaian kanak-kanak di Malaysia semakin meningkat. Perkara ini telah dibuktikan oleh statistik daripada laporan Jabatan Kebajikan Masyarakat dari tahun 2013 sehingga Jun 2018. Peningkatan kes ini dapat dilihat bermula pada tahun 2013 iaitu sebanyak 1,836 kes, 2014 sebanyak 2,035 kes, 2015 sebanyak 2,236 kes dan 2016 dengan jumlah 2,547 kes. Walau bagaimanapun, penurunan kes telah direkodkan pada tahun 2017 dengan jumlah 2,389 kes. Kemudian catatan sehingga Jun 2018 mencatatkan jumlah sebanyak 1.318 kes. Jumlah ini menjangkakan peningkatan akan berlaku pada keseluruhan tahun 2018. Daripada jumlah kes yang direkodkan setiap tahun, kanak-kanak perempuan mempunyai rekod pengabaian lebih tinggi berbanding dengan kanak-kanak lelaki walaupun jumlah keseluruhan kanak-kanak lelaki adalah lebih tinggi (Jabatan Perangkaan Malaysia (JPM) 2017).

Menyedari hakikat di atas, terdapat peruntukan undang-undang telah dilaksanakan bagi melindungi kanak-kanak di Malaysia. Pertama, melalui undang-undang sivil dapat dilihat di bawah Akta Kanak-kanak (Pindaan) 2016, Akta Kesalahan Seksual Kanak-kanak 2017, Kanun Keseksaan, Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984 dan Akta Keganasan Rumah Tangga (Pindaan) 2017. Walau bagaimanapun, hanya Akta Kanak-kanak (Pindaan) 2016 dan Kanun Keseksaan sahaja yang memperuntukkan secara khusus tentang jaminan berkaitan pengabaian dan kecuaiian kanak-kanak di Malaysia. Manakala di dalam undang-undang syariah pula tidak dinyatakan secara khusus tentang pengabaian kanak-kanak. Namun peruntutannya boleh dikaitkan dengan kegagalan ibu bapa dalam memberi nafkah, hadanah, perwalian terhadap diri dan harta serta kesahatarafan anak. Sehubungan dengan itu, kedua-dua peruntukan ini jelas menunjukkan bahawa kanak-kanak turut dilindungi oleh undang-undang dalam menjamin hak keadilan yang berterusan kepada mereka.

## **Faktor-faktor Pengabaian Kanak-kanak**

Kes-kes kecuaiian dan pengabaian kanak-kanak semakin membimbangkan. Menurut Mayer dan Silvie Bovarnick (2007), faktor peningkatan kes ini lebih tertumpu kepada ciri-ciri kanak-kanak, keluarga, sosial dan persekitaran budaya. Namun kajian Vorster. R.W. (2015) di Afrika

Selatan lebih menumpukan kepada faktor ekonomi dan politik walaupun hakikatnya masalah utama kes ini lebih kepada pengaruh individu iaitu ibu bapa itu sendiri. Jika disimpulkan hasil daripada kajian-kajian lepas, terdapat lima faktor utama yang menjadi kelaziman penyebab kepada kes ini terus meningkat.

### **Ibu bapa**

Ibu bapa adalah tunggak utama dalam menjamin perlindungan dan kesejahteraan kepada anak-anak sejak di dalam kandungan lagi. Namun apa yang menyedihkan kegagalan mereka dalam melaksanakan tanggungjawab telah menyebabkan kes pengabaian dan kecuaiannya ini semakin menjadi-jadi. Perkara ini bertentangan dengan ajaran Islam dalam menggariskan tanggungjawab yang sepatutnya dilakukan oleh ibu bapa terhadap kanak-kanak. Menurut Jabatan Kebajikan Masyarakat (2018), kecuaiannya daripada ibu bapa adalah salah satu rekod tertinggi dicatatkan. Hal ini dapat dilihat melalui sikap ibu bapa yang semakin sibuk dalam mengejar kerjaya dan pendidikan sehingga mereka kurang memerhati serta memantau setiap gerak-geri kanak-kanak sama ada di dalam atau di luar jagaan (Aziah 2009; Ramzi Zakaria 2015).

Bukti hasil Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Kelima menunjukkan sebanyak 16.7 peratus kes kanak-kanak ditinggalkan tanpa pengawasan menjadi trend dalam kalangan wanita berkerjaya (Farhana Joni 2015). Hal ini sepertimana yang dilaporkan akhbar membabitkan tiga beradik berusia antara dua hingga enam tahun yang ditemui dalam keadaan tidak terurus di sebuah rumah kedai. Mereka diuruskan oleh bapanya manakala ibu kanak-kanak terbabit bekerja di sebuah kilang. Serbuan mendapati mereka kekurangan makanan, pakaian dan penjagaan sehingga menjejaskan kesihatan kanak-kanak akibat ditinggalkan tanpa pengawasan disebabkan sikap tidak bertanggungjawab ibu bapa mereka (Azizi Majid 2017, Utusan).

Selain itu, kajian Ishak et.al (2014) menjelaskan ibu bapa juga kurang kefahaman ilmu keibubapaan kepada anak-anak. Dalam situasi ini, ilmu merupakan asas dalam membuat persediaan sebagai ibu bapa. Namun kebanyakan ibu bapa pada hari ini dilihat kurang mementingkan ilmu agama sehingga mereka gagal dalam menguruskan anak-anak dengan cara yang betul (Noremy et.al 2012). Perkara ini turut dijelaskan oleh Ramzi Zakaria (2015) dan Hazwani Hamdzah & Raudlotul Firdaus (2016) yang menunjukkan bahawa ibu bapa pada zaman globalisasi ini beranggapan ilmu agama tidak penting dalam membentuk, menjaga dan melindungi anak-anak. Tambahan pula, sejarah ibu bapa yang pernah mengalami trauma, masalah kesihatan mental serta keterlibatan mereka dalam aktiviti penyalahgunaan dadah, kaki judi dan alkohol juga menyumbang kepada pengabaian kanak-kanak di Malaysia (Mayer 2007; Aminuddin Ruskam & Siti Nur Huda 2010; JKM).

Hal ini memberi kesan negatif dalam perkembangan hidup anak-anak sehingga ada dalam kalangan kanak-kanak turut mengikut jejak langkah mereka. Sebagai contoh, kes yang telah dilaporkan oleh akhbar Sinar Harian membabitkan seorang remaja bawah umur yang ditahan bersama bapanya akibat terlibat dalam kancas dadah (Nurul Hidayah Hamid 2017). Selain itu, terdapat juga kes membabitkan ibu bapa yang terlalu mementingkan pengambilan dadah sehingga mengabaikan keperluan asas anak-anak. Hal ini sepertimana kes yang dilaporkan oleh News Straits Times membabitkan kanak-kanak berusia setahun dan 3 tahun yang tidak diberikan susu selama seminggu akibat ibu bapa mereka terlalu taksu mengambil bahan

terlarang itu. Hal ini jelas menunjukkan sikap ibu bapa tidak bertanggungjawab dan prihatin terhadap keselamatan sehingga memudaratkan kanak-kanak.

### **Fungsi Kekeluargaan**

Pengabaian kanak-kanak turut berpunca daripada kekurangan fungsi kekeluargaan. Menurut Silvie Bovarnick (2007) keluarga yang gagal memberi peranan sempurna adalah satu faktor yang merugikan. Majoriti kajian menunjukkan konflik rumahtangga seperti perceraian, pergaduhan dalam keluarga menjadi punca kes ini meningkat (Noor Aziah 2009; Ishak et.al 2014; Noor Zulaikha & Ridzuan Hussin 2015). Ditambah pula di dalam kajian Zaidun Amin et.al (2014) yang membuktikan poligami dan monogami serta bilangan keluarga yang besar turut memberi kesan pengabaian kanak-kanak akibat daripada ketidakadilan dalam sesuatu perkara. Kajian Asmawati Desa et.al (2015) dan Zahilah Filzah & Fahisham Taib (2015) menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara kemahiran keibubapaan, fungsi kekeluargaan dan kesejahteraan psikologi amat diperlukan untuk keyakinan diri, emosi dan membina keluarga yang sejahtera.

Sepertimana kajian kes Philina (2017) melibatkan seorang kanak-kanak yang dibesarkan oleh ibu tunggal. Jika dilihat dari segi pencapaian akademik, kanak-kanak terbabit mendapat keputusan yang baik. Namun dari segi tingkah laku kanak-kanak terbabit lebih suka mendiamkan diri. Dapatan kajian ini selari dengan Iwaniee dan Sneddon (2002) yang melaporkan fungsi kekeluargaan sememangnya mempengaruhi kesejahteraan psikologi, keyakinan diri dan tingkah laku serta sikap anak-anak. Perkara ini menjadi cabaran mendidik dan membesarkan anak masa kini apabila kadar perceraian yang dilaporkan semakin bertambah (Syahirah Shukor 2017). Justeru, kemerosotan institusi keluarga mengundang pelbagai impak dalam melahirkan masyarakat sejahtera dalam kalangan kanak-kanak.

### **Persekitaran sosiologi dan ekologi**

Persekitaran sosiologi dan ekologi juga menjadi punca berlakunya pengabaian terhadap kanak-kanak. Situasi ini secara umumnya berkait rapat dengan masalah ekonomi. Proses urbanisasi kepada masyarakat luar bandar dan modenisasi kehidupan di bandar telah membawa perubahan kepada keluarga. Ini akan menyebabkan wujudnya istilah kemiskinan bandar terutama kepada keluarga yang berpendapatan rendah serta kesukaran untuk mendapatkan peluang pekerjaan demi menampung kehidupan (Han Xiao@Indah 2011; Noremy et.al 2012; Ishak et.al 2014). Hal ini dibuktikan melalui pertukaran tred semasa apabila wanita tidak lagi menjadi surirumah malah mereka telah menceburi bidang tenaga kerja bagi menampung kehidupan. Keadaan ini menyebabkan mereka terpaksa meninggalkan anak-anak di rumah tanpa pengawasan atas desakan kerja kerana kos menghantar anak-anak ke pusat jagaan terlalu tinggi (Mastura Mohd Zain 2015; roketkini 2015; Hazwani Hamdzah & Raudlotul Firdaus 2016).

Walaubagaimanapun, kajian Abdul Munir & Mohd Noor Daud (t.th) dilihat selari dengan kajian yang dilakukan oleh Sabitha Marican & Rusniah Ahmad (1991) yang membuktikan selain kemiskinan, faktor seperti kemewahan yang berlebihan turut menjadi faktor pengabaian ibu bapa terhadap kanak-kanak. Hal ini telah mewujudkan persekitaran tidak sihat kepada perkembangan kanak-kanak (Noor Zulaikha & Ridzuan Hussin 2015). Salah satunya kes

berkaitan dengan masalah obesiti dalam kalangan kanak-kanak yang dilaporkan semakin serius sepertimana yang dilaporkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Hal ini berpunca apabila ibu bapa dan penjaga terlalu mewah dalam memberi pemakanan sehingga mereka gagal dalam mengawal pemakanan yang sihat dan akhirnya memberi kesan kepada kesihatan kanak-kanak.

Selain itu, budaya persekitaran dan keadaan rumah turut memberi impak kepada kanak-kanak terus terabai (Noor Aziah 2009; Ramzi zakaria 2015). Contohnya kajian Fonseca (1986) menjelaskan kanak-kanak tinggal di kawasan setinggan turut mendorong kepada pengabaian dalam sistem kehidupan yang dipengaruhi oleh faktor budaya dan sosial (Deirdre Elizabeth Blackie 2014). Hal ini juga dapat dilihat di dalam satu kajian kes yang dilakukan oleh Subathira Chelapah (2017) membabitkan seorang kanak-kanak berusia 9 tahun di Pahang. Kanak-kanak ini hidup dalam keadaan miskin tegar yang serba kekurangan dari segi keperluan asas seperti makanan, air bersih, pakaian dan kelengkapan sekolah. Kesan kemiskinan hidup, kanak-kanak terbabit lebih banyak membina sifat negatif di dalam diri. Ini menyebabkan pencapaian, tingkah laku dan kesihatannya turut terjejas.

### **Ketegasan undang-undang**

Pada masa yang sama, ketegasan undang-undang juga menjadi faktor kepada pengabaian dan kecuaiian terus berlaku. Kajian Sabitha Marican & Rusniah Ahmad (1991) membuktikan bahawa sistem undang-undang di Malaysia banyak dipersoalkan antaranya masalah penguatkuasaan serta peruntukan sedia ada kabur dan tidak jelas termasuklah prosedur berkaitan dengan kanak-kanak. Hal ini dibuktikan di dalam kajian terbaru daripada Syahirah Abdul Shukor (2017) yang telah membincangkan kurangnya penguatkuasaan undang-undang terhadap tanggungjawab ibu bapa. Definisi dan skop yang terhad tentang tanggungjawab ibu bapa di bawah Akta Kanak-kanak 2001 [Akta 611] yang hanya melibatkan kes juvana, penglibatan kanak-kanak di dalam jenayah. Hal ini menyebabkan keberkesanan penyelesaian dalam melindungi kanak-kanak masih diragui walaupun pelbagai satutori telah dilaksanakan.

Sebagai contoh kes pada Februari 2017 membabitkan kemalangan maut lapan remaja di Johor seakan tiada kesan kerana terdapat remaja yang masih berkumpul di lokasi yang sama untuk aktiviti yang sama jika di luar negara kes seperti ini ibu bapa sudah dikenakan tindakan atas dakwaan pengabaian terhadap pengawasan kanak-kanak (Anon 2017, Jabatan Peguam Negara 2014). Hal ini kerana, jika masyarakat tidak mengetahui agama, taqwa, dan tugas terhadap anak-anak, mereka akan mengulangi tingkah laku yang sama terhadap kanak-kanak pada masa akan datang. Justeru itu, harus ada satu prosiding yang berkesan serta tepat yang dapat membuktikan kesalahan kecuaiian dalam kalangan ibu bapa (Afridah Abas & Ahmad Ibrahim 2012; Hazwani Hamdzah & Raudlotul Firdaus 2016).

### **Ciri Kanak-kanak**

Tidak dinafikan kanak-kanak juga menjadi pendorong kepada kes ini berlaku. Menurut Jabatan Kebajikan Masyarakat (2018), kanak-kanak hiperaktif, anak angkat, anak tiri, anak taksah taraf, bayi dan kanak-kanak cacat merupakan individu yang sering menjadi mangsa dalam kes pengabaian. Sebagai contoh kanak-kanak yang mempunyai tingkah laku hiperaktif menyebabkan ibu bapa gagal dalam memberi sepenuh perhatian. Keaktifan dan tindakan diluar



kawalan mereka sering menyebabkan ibu bapa tidak terdaya dalam mengawal (Khadijah Alavi et.al 2012; Bilge 2006). Ibu bapa harus mempunyai kemahiran yang cukup dalam membesarkan mereka agar dapat mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku.

Kanak-kanak adalah individu yang perlu diberi didikan dan komunikasi yang berkesan bagi menerapkan nilai baik dalam memahami kehidupan yang sempurna (Zaidun Amin et.al 2014). Tambahan pula, masalah ini tidak sepatutnya berlaku di zaman serba moden ini. Hal ini mungkin kerana kekaburan dalam memahami Islam sebagai satu cara hidup yang menjamin keselamatan dalam kehidupan sama ada di dunia dan akhirat (Ratna Roshida 2007). Oleh itu, jika sesetengah pihak masih menganggap pengabaian kanak-kanak sebagai kebiasaan maka tidak hairanlah jika perkara ini terus berleluasa dan mendatangkan implikasi negatif kepada kanak-kanak (Jal Zabdi & Sridevi Thambapillay 2007).

## Kesimpulan

Berdasarkan tinjauan kajian-kajian lepas dapat disimpulkan bahawa penderaan dan pengabaian telah mendapat perhatian dunia sejak berabad lalu. Kedua-dua masalah ini sering dihubungkan persamaan bentuk perlakuannya. Namun hakikatnya penderaan dan pengabaian adalah dua jenis penganiayaan yang jelas menunjukkan perbezaan antara satu sama lain. Menerusi tinjauan trend dan laporan statistik pula, pengabaian kanak-kanak di Malaysia juga turut berlaku peningkatan yang serius sejak kebelakangan ini. Hal ini disebabkan oleh beberapa faktor seperti kegagalan ibu bapa dan keluarga dalam menyempurnakan fungsi yang sewajarnya. Tambahan pula, faktor persekitaran ekologi atau sosiologi juga mendorong kes pengabaian berlaku seperti perubahan hidup masyarakat luar bandar ke bandar iaitu melalui proses urbanisasi dan modenisasi yang menyebabkan kemiskinan dan kemewahan yang berlebihan dalam keluarga.

Seterusnya, undang-undang juga memainkan peranan yang penting dalam mencetuskan kes ini daripada terus meningkat atau berkurangan. Ini kerana, terdapat jaminan undang-undang yang dilaksanakan bagi melindungi kanak-kanak dalam kes pengabaian yang dilakukan oleh penjaga seperti Akta Kanak-Kanak (Pindaan) 2017. Namun ketegasan pelaksanaan undang-undang ini dilihat kabur dan tidak dapat dilaksanakan dengan sistematik. Hal ini kerana terdapat beberapa cabaran besar yang perlu diselesaikan dalam membanteras kes daripada terus meningkat. Tidak dinafikan bahawa ciri kanak-kanak juga merupakan faktor penyebab berlakunya kes pengabaian dalam kalangan mereka. Justeru, lebih banyak kajian perlu dilakukan bagi membendung masalah pengabaian yang berlaku dalam kalangan kanak-kanak lebih-lebih lagi pada zaman moden ini.

## Rujukan

- Abdul Munir Ismail & Mohd Noor Daud. 2014. Satu analisis pendekatan Abdullah Nasih Ulwan dalam menangani penyelewengan terhadap pendidikan anak-anak. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan* 3(1): 15-23.
- Afridah Abas & Ahmad Ibrahim. 2012. Child Abuse In Malaysia: Legal Measures For The Prevention Of The Crime And Protection Of The Victim. *International Journal Of Social Sciences And Humanity Studies*. 4(2): 1-10

- Amalina Ab Manaf. 1997. Penderaan Kanak-kanak: Persepsi Masyarakat Kota Samarahan. Latihan Ilmiah. Fakulti Sains Sosial, Universiti Malaysia Sarawak.
- American Society for the Positive Care of Children SPCC. 2017. <https://americanspcc.org/child-abuse-statistics/> [15 Januari 2018]
- Aminah Ayob. 2018. Dilema Kanak-kanak di Malaysia. Universiti Pendidikan Sultan Idris: Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-kanak Negara (NCDRC)
- Aminuddin Ruskam & Siti Nur Huda. 2010. Persepsi Pelajar Tentang kejadian Jenayah Terhadap Kanak-Kanak.
- Ark of Hope for Children. 2017. Statistic compiled. <https://arkofhopeforchildren.org/child-abuse/child-abuse-statistics-info> [12.1.2018]
- Asmawati Desa, Fatimah Yusoooff, Zainah Ahmad Zamani, Nor Ba' Yah Abdul Kadir & Mohd Norahim Mohamed Sani. 2015. Kemahiran Keibubapaan, Kefungsian Keluarga Dan Kesejahteraan Psikologi Dalam Kalangan Ibu bapa. *Jurnal Psikologi Malaysia*. 29 (2): 32-42
- Azizi Majid. 2017. JKM selamatkan 3 beradik ditinggalkan ibu bapa. *Utusan*. 06 Ogos
- Bilge F. 2006. Child Neglect and Abuse, Violence in Schools and Juvenile Delinquency. in: S Ercetin (Ed.): Education and Violence. Ankara: Pegem Publications. 219-260.
- al-Bukhari, Muhammad ibn Isma'il Abu 'Abd Allah. 1987. Al-Jami' al-Sahih al-Mukhtasar. Ed. Mustafa Dib al-Bugha. Jil.3. Beirut: Dar Ibnu Kasir
- Central Intelligent Agency. 2017. The World Factbook: Birth Rate. <https://www.cia.gov/library/publications/the-world-factbook/fields/2054.html> [12.1.2018]
- Child abuse cases is increasing, there is something wrong in society. (2015). Retrieved April 29, 2015. <http://www.roketkini.com/2015/01/06/kes-dera-kanak-kanak-meningkatadaya-yang-tak-kena-dalam-masyarakat/>.
- Child Rights Coalition Malaysia. 2012. Laporan Mengenai Status Hak Kanak-kanak Di Malaysia. <http://www.mcrci.org.my/wp-content/uploads/CRC-Report-Bahasa.pdf>. [16 Mei 2018]
- Children's Bureau Child Maltreatment Report. 2015. <https://americanspcc.org/child-abuse-statistics/>. Jan 2017. [16 Januari 2018]
- Deirdre Elizabeth Blackie. 2014. Sad, Bad and Mad: Exploring Child Abandonment in South Africa. Disertasi Ijazah Sarjana Antropologi, Jabatan Antropologi, Fakulti Kemanusiaan, Universiti Witwatersrand.
- Department for Education. 2016. Characteristics of children in need in England, 2015-16. London: Department for Education (DfE). <https://www.gov.uk/government/statistics/characteristics-of-children-in-need-2015-to-2016> [15 Januari 2018]
- Dina Supaat. 2005. Child Victims of Sexual Abuse: Rehabilitation Issues. *Syariah and Law Discourse Issue*. Universiti Sains Islam Malaysia, Fakulti Syariah dan Undang-undang. 4: 31-48
- Farhana Joni. 2015. Anak Tinggal Di Rumah Tanpa Pengawasan. *Utusan*. 27 Februari
- Fonseca, C. 1986. Orphanages, Foundlings, and Foster Mothers: The System of Child Circulation in a Brazilian Squatter Settlement. *Anthropological Quarterly*. 59(1): 15-27.
- HanXiao@Indah. 2011. Kesan Perbandaran Ke Atas Gejala Sosial Remaja Melayu. *JHCD*. 4(2): 129-137

- Hazwani Hamdzah & Raudlotul Firdaus. 2016. Child Abuse In Malaysia: An Overview From Islamic Perspective. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*. 2(3): 36-47
- Information Analysis Directorate. 2016. Children's Social Care Statistics Tables 2015/16. Belfast: Northern Ireland, Department of Health. <https://www.health-ni.gov.uk/publications/childrens-socialcare-statistics-northern-ireland> [15 Januari 2018]
- Ishak, Noor Azniza dan Mustafa, Jamaludin dan Shaari, Azemi dan Ab Hamid, Kamal dan Ismail, Nur Qurratul' Aini dan Hamzah & Mohd Hilmi. 2014. Persepsi Masyarakat Terhadap Kecuaian Ibubapa dalam Kawalan ke atas Anak-anak: Kajian Kes di Negeri Kedah. *International Social Development Conference 2014 (ISDC 2014)*, Langkawi. 12 – 13 Ogos
- Iwanee, D. C & Sneddon, H. 2002. The Quality of Parenting of Individuals Who had failed to Thrive as Children. *British Journal of Social Work*. 32: 283-298
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. 2013-2017. Buku Laporan Statistik Malaysia.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. 2016. Dasar Perlindungan Kanak-kanak Kebangsaan Malaysia. <http://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=TIFwUVczNORLQ3VIRDFqRTFmVENuZz09> [19 Mei 2017]
- Jabatan Peguam Negara. 2014. Kes-kes Kecuaian dan Pengabaian Kanak-kanak di Malaysia Akmalhana Mohammed 2011. <http://agc-blog.agc.gov.my/agc-blog/?p=2186> [18 Mei 2017]
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2016. Statistik Kanak-Kanak Malaysia. <https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/pdfPrev&id=UCtXbzBXUDU1N1BFSW9qUmUxS3dNUT09> [23 Mei 2017]
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2017. Statistik Kanak-Kanak Malaysia. <https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/pdfPrev&id=aV10R3hrdFM0TIRZV0VpakFGTWpQUT09> [16 Januari 2018]
- Jal Zabdi Mohd Yusoff & Sridevi Thambapillay. 2007. Neglecting Child Neglect: Selected Legal Issues Encountered in Malaysia. *ALIN Conference 2007 Asia Law Review*. 5(1). Hlm. 157-182. Bangkok. 6-7 Desember
- Jami'ah Shukri. 2010. Pendakwaan ibu bapa cuai elak masalah sosial lebih besar. <https://psbtpnsarawak.wordpress.com>. [23 Ogos 2017]
- Khadijah Alavi, Aizan Sofia Amin, Nasrudin Subhi, Mohd Suhaimi Mohamad & Norulhuda Samon. 2012. Kerja Sosial Di Sekolah: Memahami Dan Menangani Penderaan Kanak-Kanak. *Journal of E-Bangi*. 7(1): 17-37
- Lachman, P. 2004. Understanding the Current Position of Research in Africa as the Foundation for Child Protection Programs. *Child Abuse & Neglect*. 28(8): 813-815.
- Lee, Shi-ian & Atiqa Hazellah. 2012. Many child abuse cases go unreported. *New Straits Times*. 19 July
- Lloyd DeMause. 1974 .The History of Childhood. Jason Aronson, Incorporated
- Mastura Mohd Zain. 2015. Kekangan kes penderaan kanak-kanak. *Utusan*. 6 Julai
- Micheline Mayer, Chantal Lavergne, Marc Tourigny & John Wright. 2007. Characteristics Differentiating Neglected Children from Other Reported Children. *J Fam Viol*. 22:721–732

- Mohammad Ramzi Zakaria. 2015. Kecuaian dan Pengabaian Kanak-kanak oleh Ibu Bapa: Kedudukannya di bawah Akta Kanak-kanak 2001 dan Prinsip Syariah. *JUUM*. 19:37-49
- Mudriye Yildiz Bicakci, Suhenden Er & Neriman Aral. 2016. An Overview of Child Neglect and Abuse: Types, Causes, Impact and Prevention. *Ethno Med*. 10(2): 221-228
- Muslim, bin Hajjaj Abu al-Hussain al-Qusyairi al-Nusaiburi. T.th. Sahih Muslim. Ed. Muhammad Fu'ad 'Abd al-Baqi. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-Arabi
- Nazura Ngah, Hazwan Faisal Mohamad & Fahmy Azril. 2017. 13,272 kes rogol kanak-kanak dilaporkan. *Berita Harian*. 27 Julai
- Noor Aziah Mohd Awal. 2009. Hak Kanak-Kanak Di Malaysia: Ke Arah Mana?. *Malayan Law Journal Articles*. 2(38): 12-25.
- Noor Zulaikha Zulkhifli Merican & Ridzuan Hussin. 2015. Penilaian Terhadap Penderaan Kanak-kanak di Malaysia: Kajian Kes Di Enam Buah Negeri.
- Noremy Md. Akhir, Khadijah Alavi, Salina Nen, Fauziah Ibrahim, M. Suhaimi Mohamad, Nazirah Hassan. 2012. Hubungan Faktor Dalaman Penderaan Fizikal Terhadap Kanak-Kanak Oleh Ibu bapa. *Jurnal of Social Sciences and Humanities*. 7(1): 1-14
- Philina Anak Adau, Rima Wani Merim, Vornicca Sani Anak Medan & Aminah Ayob. 2017. Dilema Ibu Tunggal Bekerja Dalam Membesarkan Anak-anak. Prosiding Seminar Isu-isu Semasa Pendidikan Awal Kanak-kanak, Universiti Pendidikan Sultan Idris: 13 Mei 2017
- Ratna Roshida Abd. Razak .2007. Peranan Institusi Keluarga Dalam Penjanaan Bangsa Bertamadun. *Jurnal Kemanusiaan*. 9: 73-82
- Roos Niza. 2017. Undang-undang pastikan ibu bapa bertanggungjawab terhadap keselamatan anak-anak. *Utusan*. 15 Mei
- Rosmah Dain. 2016. Masyarakat perlu prihatin. *Utusan*. 8 September
- Sabitha Marican & Rusniah Ahmad. 1991. Satu Tinjauan Terperinci ke atas Penganiayaan Kanak-kanak dari Sudut Undang-undang dan Masyarakat. Simposium Kebudayaan Indonesia-Malaysia Ke 4, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sabitha Marican & Rusniah Ahmad. 1991. Satu Tinjauan Terperinci ke atas Penganiayaan Kanak-kanak dari Sudut Undang-undang dan Masyarakat. Simposium Kebudayaan Indonesia-Malaysia Ke 4, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Scottish Government (2017) Children's social work statistics Scotland, 2015-16. Edinburgh: Scottish Government. <http://www.gov.scot/Publications/2017/03/6791> [15 Januari 2018]
- Silvie Bovarnick. 2007. Child Protection Research Briefing: Child Neglect. The National Society for the Prevention of Cruelty to Children (NSPCC): United Kingdom
- Siti Airunnisa Alau. 2015. Kanak-kanak maut: cuai atau kemalangan. *Utusan*. 7 Mei
- Siti Zubaidah Ismail. 2011. Kecuaian Perubatan Menurut Undang-undang Tort dan Autiriti Mengenainya dari Sudut Syariah. *Jurnal Syariah*. (2)19: 162- 133
- Subathira Chelapah, Janagi Kurusamy & Aminah Ayob. 2017. Kesan Kemiskinan Tegar Terhadap Kesihatan dan Pencapaian Akademik Kanak-kanak: Satu Kajian Kes di Mentakab, Pahang. Prosiding Seminar Isu-isu Semasa Pendidikan Awal Kanak-kanak, Universiti Pendidikan Sultan Idris: 13 Mei 2017
- Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM). 2005. Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak. Ampang Press Sdn Bhd: Kuala Lumpur

- Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM). 2005. Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak. Ampang Press Sdn Bhd: Kuala Lumpur
- al-Suyuti, Jalal al-Din 'Abd al-Rahman. 2004. Al-asybah wa al-Nazair. Jil. 1. Kaherah: Dar al-Salam
- Syahirah Abdul Shukor. 2016. Tanggungjawab Ibu Bapa Dalam Melindungi Kanak-Kanak Menurut Undang-Undang Malaysia: Satu Tinjauan Awal. *Malaysian Journal of Syariah and Law*. 3: 1-10
- Tengku Fatimah Muliana & Engku Ahmad Zaki. 2012. Care and Protection against Child Abuse: With Special Reference to Malaysia Child Act 2001. *Journal Asian Social Science*. 8(1): 202-208
- UNICEF. <http://www.uniteagainstabuse.my>. [13 Ogos 2017]
- United Nations Children's Fund (UNICEF). 2017. Birth Registration. <https://data.unicef.org/topic/child-protection/birth-registration/> [12.1.2018]
- Welsh Government (2017) Local Authority Child Protection Registers in Wales, 2016. [Cardiff]: Welsh Government. <http://gov.wales/statistics-and-research/local-authority-childprotection-registers/?lang=en> [15 Januari 2018]
- Zahilah Filzah & Fahisham Taib. 2015. Child Abuse In Malaysia: A Neglected Child Health Issue. *Malaysian Journal of Paediatrics and Child Health Online Early*
- Zaidul Amin Suffian Ahmad, Zainuddin Che Seman & Abdul Azis Awang Kechik. 2014. Pemikiran Hamka Tentang Perkahwinan Monogami Dan Relevannya Terhadap Penjagaan Hak Kanak-Kanak: Kajian Tafsir Al-Azhar. International Research Management and Innovation Conference 2014 (IRMIC2014). Kuala Lumpur. 17-18 November
- Zaidul Amin Suffian Ahmad, Zainuddin Che Seman & Abdul Azis Awang Kechik. 2014. Pemikiran Hamka Tentang Perkahwinan Monogami Dan Relevannya Terhadap Penjagaan Hak Kanak-Kanak: Kajian Tafsir Al-Azhar. International Research Management and Innovation Conference 2014 (IRMIC2014). Kuala Lumpur. 17-18 November.
- Zainul Rijal & Nurhidayah. 2013. Isu-isu Syariah di Malaysia: Ke Arah Meletakkan Hak kepada yang Berhak. Siri 1. Dlm. Ibu bapa Cuai Anak Wajar Dipenjara. Selangor: Penerbit Press Universiti Teknologi Mara